

UMSKAL bimbing mahasiswa baharu

UM 12.11.2014 30

LABUAN 11 Nov. - Dalam usaha membimbing mahasiswa baharu menjalani 'liku-liku' hidup di alam kampus yang penuh daya saing dan cabaran, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melancarkan program Campus Survival.

Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata, program itu juga bertujuan mempersiapkan mahasiswa baharu dalam menghadapi kehidupan sebagai seorang mahasiswa.

Selain itu jelasnya, mahasiswa juga dapat belajar mengadaptasi persekitaran baru serta belajar berdikari tanpa banyak bergantung dengan orang lain.

"Ini sekali gus dapat membina sifat positif serta keyakinan diri dalam menghadapi cabaran sebagai mahasiswa. Program Campus Survival ini juga untuk membangunkan kemahiran berkomunikasi yang tinggi apabila berhadapan dengan khalayak.

"Secara tidak langsung, mampu

membina jati diri yang kukuh sebagai seorang mahasiswa serta memberi peluang kepada mereka bergiat aktif dalam pelbagai bidang, bukan bergantung kepada akademik semata-mata," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penuutupan Campus Survival di Kompleks Sukan Labuan di sini baru-baru ini.

Seramai 54 orang peserta menyertai program kali ketiga dianjurkan itu dengan moto Campus Life Adalah Terbaik.